

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Bab ini merupakan bab pengenalan di mana pengkaji menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan kerangka teoritikal dan konseptual yang menjadi landasan kajian ini. Seterusnya, pengkaji menghuraikan signifikan kajian dijalankan, batasan kajian dan definisi operasional bagi beberapa terminologi utama kajian ini dan diikuti dengan rumusan keseluruhan bab pertama ini.

### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Mata pelajaran bahasa Arab telah diperkenalkan secara rasmi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1977 dengan menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sebagai institusi perintis yang mengajar bahasa Arab di peringkat persekolahan menengah. Penubuhan SMKA ini diilhamkan oleh Nik Muhyiddin bin Musa, Pengarah Bahagian Agama Kementerian Pelajaran yang pertama (Mohamad Shafie, 1997).

Apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, Kurikulum Bahasa Arab turut digubal semula. Sukatan pelajaran bahasa Arab yang berdasarkan kurikulum baru telah dilaksanakan di semua SMKA, KAA dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) mulai tahun 1991. Pada peringkat awal, ia masih menggunakan nama matapelajaran Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, mulai 12 hb. Jun 1991, Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) telah memutuskan supaya nama Bahasa Arab diubah kepada Bahasa Arab Komunikasi .

Kementerian Pelajaran Malaysia (2001) telah meletakkan status bahasa Arab sebagai bahasa asing dan telah menggariskan bahawa pengajaran bahasa Arab perlu mengikut prinsip-prinsip berikut iaitu; (a) bahasa yang digunakan mestilah bahasa *fusha* yang diterima oleh penutur jati, (b) pengajaran bahasa haruslah berdasarkan pengajaran lisan, (c) bahan-bahan pengajaran hendaklah dipilih, disusun, dikawal dan dipertingkatkan dan (d) aktiviti pengajaran yang menarik dan bermakna perlulah dirancang, dilaksanakan dan dinilai.

Di peringkat awal pengenalannya dalam sistem pendidikan negara Malaysia, pendekatan komunikatif telah dicadangkan dalam sukatan pelajaran untuk digunakan dalam proses pengajaran bahasa Arab. Matlamat pelaksanaan pendekatan komunikatif yang ingin dicapai ialah membentuk kompetensi (*competence*) dan keupayaan (*performance*) komunikasi. Ianya bagi membolehkan pelajar menggunakan bahasa Arab untuk bertutur dan berkomunikasi menggunakan laras bahasa yang sesuai. Ini selaras dengan pernyataan matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab Komunikasi yang terkandung dalam sukatan pelajaran bahasa Arab Komunikasi Edisi Semakan ( Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002 ) ;

*Pembelajaran bahasa Arab Komunikasi di sekolah menengah bermatlamat bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan memberi perhatian kepada kemahiran bertutur, menguasai perbendaharaan kata dan meningkatkan kepekaan mereka bagi menggunakannya dengan tepat serta meningkatkan penghayatan akhlak mulia dan nilai-nilai murni*

(ms : 4)

Pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa bermula dari satu teori yang menganggap bahasa sebagai alat komunikasi dan matlamat akhirnya ialah memperkembangkan kompetensi komunikatif pelajar (Kamaruddin, 1993). Pendekatan komunikatif ini memberi penekanan kepada keupayaan pelajar untuk berkomunikasi dengan melibatkan pengetahuan dan kebolehan berbahasanya. Tegasnya, pengajaran bahasa mestilah merangkumi kompetensi bahasa yang mencakupi penguasaan sistem tatabahasa serta kompetensi berkomunikasi.

Sejajar dengan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, maka guru perlu mewujudkan situasi yang membolehkan pelajar berkomunikasi dengan mengadakan pelbagai aktiviti komunikasi yang dapat meningkatkan interaksi di antara pelajar dan mengurangkan pemusatan guru. Pendekatan komunikatif memberi penekanan kepada aktiviti lisan dan kemahiran bertutur seperti bercerita, berlakon, berdialog, melapor, berbahasa dan bersyarah. Penyerapan aspek-aspek tatabahasa bagi tujuan komunikasi ditekankan dalam pendekatan ini.

Di samping pendekatan komunikatif, Kementerian Pelajaran Malaysia menggalakkan kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran bahasa Arab untuk dilaksanakan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Di antaranya ialah pendekatan tematik, pendekatan ajuk-hafaz, pendekatan semula jadi atau pendekatan terus, pendekatan latih tubi, pendekatan induktif, pendekatan deduktif dan pendekatan eklektik. Pendekatan yang disarankan pakar-pakar pendidikan bahasa Arab di Malaysia ialah pendekatan elektik yang menggabungkan semua atau

sebahagian daripada pendekatan-pendekatan yang disebutkan di atas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Ahli pendidikan bahasa telah memformulakan beberapa pendekatan untuk digunapakai semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Widdowson (1989) berpendapat mengajar bahasa kedua melibatkan dua aspek iaitu; (a) mengajar sistem bahasa secara statik, (b) mengajar kemahiran menggunakan bahasa secara aktif. Widdowson (1989) telah mengemukakan konsep “*usage*” (pengetahuan) dan “*use*” (penggunaan). Menurut beliau pengetahuan bahasa terdiri daripada dua bentuk iaitu pengetahuan tentang struktur tatabahasa dan pengetahuan tentang cara penggunaan bahasa tersebut dalam situasi yang pelbagai. Seseorang yang hanya menghafaz rumus-rumus tatabahasa tetapi tidak dapat mengaplikasikan dalam pertuturan harian sebenarnya belum menguasai bahasa tersebut sepenuhnya. Widdowson (1989) berkata :

*“The learning of a language, then, involves acquiring the ability to compose correct sentence. That is one aspect of the matter. But it also involves acquiring an understanding of which sentences, or part of sentences are appropriate in a particular context.”*

*(ms: 63)*

Pandangan yang dikemukakan oleh Widdowson (1989) di atas menjurus kepada pengajaran bahasa bercirikan dwi komponen. Seseorang pelajar yang menguasai salah satu komponen sahaja, masih belum menguasai sesuatu bahasa sepenuhnya. Lantaran itu, pengajaran bahasa secara formal di sekolah seharusnya menekankan kedua-dua aspek pengetahuan bahasa iaitu tatabahasa dan kecekapan kemahiran berbahasa.

Memang tidak dinafikan antara matlamat kurikulum bahasa Arab digubal adalah bagi memastikan pelajar dapat bertutur dengan menggunakan bahasa Arab dalam pelbagai situasi (JAPIM, 2002). Untuk merealisasikan matlamat tersebut, pelajar perlu menguasai dan menggunakan kemahiran asas bahasa. Kemahiran asas bahasa yang perlu dikuasai pelajar ialah kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran-kemahiran ini perlu diajar dengan pelbagai kaedah samada menggunakan kaedah tradisional atau kaedah konvensional.

Namun demikian, setelah lebih tiga dekad pengajaran bahasa Arab di sekolah, banyak kajian menunjukkan pencapaian pelajar masih lemah dalam penguasaan bahasa Arab samada dalam kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Di antaranya kajian Noor Azizi (1999), Zulkifli (2000), Naimah (2003), Abdul Razak (2004), dan Abdul Rahman (2009).

Zulkifli (2000) telah mengenalpasti beberapa faktor kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis terutama dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis di kalangan pelajar iaitu; (a) pelajar kurang perbendaharaan kata, (b) pelajar kurang berminat dengan mata pelajaran bahasa Arab, (c) latihan membentuk ayat dan karangan yang diberi tidak mencukupi, (d) kurang dorongan dari keluarga, (e) persekitaran sekolah yang tidak membantu, (f) guru tidak berkesempatan untuk menekankan kemahiran membina ayat, (g) teknik penilaian guru terhadap penulisan pelajar kurang berkesan, (h) bahan rujukan tambahan dalam bahasa Arab tidak mencukupi, (i) kesilapan guru-guru mengajar di peringkat menengah rendah, (j) penggunaan alat bantu mengajar kurang sesuai dan berkesan .

Sementara itu, Jassem Ali Jassem (2000) mengatakan kesilapan pelajar membina ayat bahasa Arab merangkumi (a) kesilapan penggunaan kata kerja lepas

untuk kata kerja sedang, (b) kesilapan penggunaan kata kerja sedang untuk kata kerja lepas, (c) kesilapan dalam menggunakan partikel **لَمْ** dan partikel **لَنْ**.

Sementara dapatan kajian Abdul Rahman (2009) pula mendapati kompetensi pelajar dalam melahirkan ujaran ayat yang gramatis masih di tahap sederhana. Di antara faktor yang dikenalpasti adalah kekurangan leksikal, faktor sikap dan minat pelajar terhadap bahasa Arab, dan pendekatan pengajaran guru yang kurang berkesan.

Hasil dari dapatan kajian ini, pengkaji akan membangunkan satu pendekatan baru dalam pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul. Diharap ianya akan menjadi satu pendekatan alternatif yang dapat membantu pelajar mempelajari asas-asas kemahiran bahasa Arab iaitu dengan membina ayat gramatis mengikut tatabahasa bahasa Arab yang betul.

## **1.2 PENYATAAN MASALAH**

Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang wajib dipelajari oleh pelajar di SMKA dan KAA. Walaupun mata pelajaran ini telah dipelajari oleh mereka sejak dari tingkatan satu hingga ke tingkatan lima, namun masih terdapat kelemahan dalam aspek pembinaan ayat. Pelajar gagal membina ayat-ayat yang gramatis mengikut struktur nahu yang betul. (Naimah, 2003)

Dapatan-dapatan kajian (Zainol 2003, Che Radiah 2006, dan Abdul Rahman 2009) mendapati fenomena ini berpunca kurangnya penekanan aspek tatabahasa semasa pembelajaran bahasa Arab di peringkat PMR. Mereka lebih didedahkan dengan kemahiran komunikasi sehinggakan mereka mengabaikan kemahiran tatabahasa. Kajian tersebut juga mendapati guru-guru pula terikat dengan kurikulum

bahasa Arab yang menekankan kemahiran bertutur lebih daripada kemahiran-kemahiran yang lain iaitu kemahiran mendengar, membaca dan menulis.

Dapatan ini disokong oleh Zulkifli (2000) yang mendapati guru tidak berkesempatan menekankan aspek kemahiran tatabahasa dan membina ayat dalam pengajaran bahasa Arab di peringkat menengah rendah kerana terlalu menumpukan perhatian kepada kemahiran bertutur semasa mengajar bahasa Arab Komunikasi. Pada hakikatnya, komunikasi lisan juga memerlukan kemahiran tatabahasa dan kemahiran membina ayat agar maklumat yang disampaikan oleh penutur menjadi lebih jelas dan bermakna.

Ishak Rejab (1999) menyatakan bahawa komunikasi tidak akan berlaku dengan jayanya tanpa syarat-syarat berikut; (a) penutur harus mengetahui dan benar-benar memahami sistem atau peraturan rumus-rumus bahasa ( التَّرَاكِيْبُ اللُّغَوِيَّةُ ) yang dipelajari di samping berlatih menggunakannya, (b) penutur harus menguasai perbendaharaan kata ( التَّرْوَةُ اللُّغَوِيَّةُ ) yang mencukupi bagi menggambarkan buah fikiran dan perasaannya dalam pelbagai situasi, (c) penutur harus mengetahui hubungan antara bahasa dan budayanya dan juga perjalanan komunikasi kehidupan.

Semenjak Bahasa Arab Komunikasi diperkenalkan di SMKA didapati tahap kecekapan pelajar dalam aspek nahuan amat lemah. Kebanyakan pelajar yang memasuki tingkatan 4, mereka menghadapi masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab Tinggi di tingkatan 4 dan 5. Ini adalah kerana mereka kurang didedahkan dengan kemahiran tatabahasa Arab. Mereka tidak dapat membina ayat gramatis

mengikuti pola-pola ayat yang betul. Walaupun mereka mendapat gred A dan cemerlang di peringkat PMR, tetapi mereka masih lagi tidak dapat membina ayat yang gramatis. (Abdul Rahman, 2009)

Menurut Zulkifli (2000) beberapa faktor dan masalah utama yang dihadapi pelajar dalam pembentukan ayat bahasa Arab ialah (a) pelajar kurang menguasai perbendaharaan kata, (b) pelajar kurang minat untuk mempelajari bahasa Arab, (c) latihan membentuk ayat dan menulis karangan kurang ditekankan oleh pihak guru, (d) persekitaran sekolah tidak membantu, (e) guru tidak berkesempatan menekankan kemahiran membina ayat, (f) teknik penilaian guru terhadap penulisan pelajar kurang berkesan, (g) bahan rujukan tambahan dalam bahasa Arab tidak mencukupi, (h) kesilapan guru-guru yang mengajar di peringkat menengah rendah dan (i) penggunaan alat bantu mengajar kurang sesuai dan berkesan.

Menurut Zainol (2003), kebanyakan pelajar tidak dapat membezakan pola-pola ayat namaan (جُمْلَةٌ اِسْمِيَّةٌ) dan pola-pola ayat kerjaan (جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ) dalam membina ayat bahasa Arab. Mereka juga tidak dapat membezakan antara kata nama dan kata kerja. Hal ini akan menyukarkan mereka mengkonstruksikan leksikal dalam membina sesuatu ayat gramatis. Dalam pola ayat namaan pelajar tidak dapat membina ayat dengan menggunakan pola yang betul.

Daripada dapatan-dapatan kajian yang diutarakan pengkaji, dapat dirumuskan peri pentingnya penguasaan aspek tatabahasa dan mengetahui sistem-sistem bahasa Arab supaya pelajar dapat melahirkan ujaran-ujaran ayat yang gramatis samada semasa berkomunikasi secara lisan ataupun tulisan. Namun demikian, dalam tinjauan perpustakaan yang dijalankan, pengkaji belum menemui satu pendekatan khusus bagi



pelajar mempelajari pola-pola ayat bahasa Arab berdasarkan kurikulum bahasa Arab KBSM.

Sementara itu, menurut Maimun Aqsha Lubis (1997) kebanyakan guru bahasa Arab, mengajar dengan menggunakan pendekatan tradisional iaitu menggunakan buku teks semasa mengajar pemahaman, pengajaran tatabahasa dengan menggunakan teknik latih-tubi lisan secara mekanikal di samping guru menyampaikan pengajaran kepada seluruh kelas dengan secara langsung dan pelajar hanya memberi tindakbalas yang sepatutnya sahaja.

Menurut Raminah (1987) pendekatan pengajaran tradisi yang stereotaip akan membosankan pelajar kerana sifatnya yang dingin dan beku. Untuk menghasilkan kemahiran bahasa yang berkesan, pendekatan baru yang lebih efektif perlu dibangunkan.

Oleh kerana itulah, maka pengkaji dalam kajian ini cuba merongkai permasalahan yang dihadapi oleh pelajar, pihak guru, pengetua dan pihak JAPIM. Justeru, pengkaji telah membangunkan satu pendekatan baru dalam pengajaran bahasa Arab iaitu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul yang dibangunkan berasaskan kepada Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey (2005). Diharap pendekatan baru ini dapat membantu guru dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam menghasilkan ayat-ayat bahasa Arab yang gramatis dan seterusnya memperbaiki penguasaan mereka dalam bahasa Arab .

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif berikut:

- i. Menganalisis masalah yang dihadapi ketika membina ayat bahasa Arab dari aspek sintaksis, morfologi dan leksikal.
- ii. Mengenalpasti aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa pelajar dalam membina ayat-ayat bahasa Arab.
- iii. Membangunkan satu pendekatan pengajaran alternatif iaitu pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul berdasarkan Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey (2005).
- iv. Menilai keberkesanan pendekatan pengajaran pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul dari aspek pembinaan ayat gramatis oleh pelajar.

### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Bagi mencapai objektif kajian yang digariskan di atas, pengkaji telah melaksanakan kajian ini dalam dua fasa. Dalam fasa pertama, pengkaji menjalankan kajian deskriptif dengan melaksanakan analisis keperluan terhadap pelajar. Menurut Richard (1995) matlamat analisis keperluan ini adalah untuk mengenalpasti tahap-tahap kemahiran bahasa yang telah dikuasai oleh responden. Masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat dikenalpasti melalui soalselidik. Manakala Aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa dalam membina ayat bahasa Arab dapat dikenalpasti melalui ujian pengesanan tatabahasa dan pembinaan ayat. Dua persoalan kajian yang ingin dijawab pengkaji dalam fasa pertama kajian ini adalah seperti berikut;

### **Persoalan Kajian Fasa 1;**

- i. Apakah masalah yang dihadapi pelajar dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis dari aspek sintaksis, morfologi dan leksikal
- ii. Apakah aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa yang kerap dilakukan pelajar dalam membina ayat bahasa Arab

Manakala dalam fasa kedua pula, pengkaji menjalankan kajian kuasi-eksperimen, iaitu membangunkan satu pendekatan alternatif iaitu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul yang direkabentuk berdasarkan Model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) dan seterusnya menilai keberkesanan pendekatan tersebut. Persoalan yang ingin dijawab dalam fasa kedua ini ialah seperti berikut;

### **Persoalan Kajian Fasa 2;**

- i. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab yang gramatis?
- ii. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab yang gramatis mengikut perbezaan 6 aras soalan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar SMKA dan KAA dalam membina pola ayat bahasa Arab?

#### **1.4 HIPOTESIS KAJIAN**


Hipotesis kajian bagi kajian ini hanya tertumpu kepada rekabentuk kajian fasa II iaitu kajian kuasi-eksperimen. Berikut adalah hipotesis nul bagi rekabentuk kajian ini;

- i. Pendekatan pengajaran alternatif iaitu pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul tidak memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dalam pembinaan ayat gramatis.
- ii. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab.
- iii. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar SMKA dan KAA dalam membina pola ayat bahasa Arab.

#### **1.6 KERANGKA TEORITIKAL DAN KONSEPTUAL KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasi dua model utama sebagai kerangka teoritikal kajian iaitu Model Analisis Keperluan Brindley (1989) dan Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey (2008). Model Analisis Keperluan Brindley (1989) diaplikasi pengkaji bertujuan menganalisis keperluan pelajar, iaitu tahap kemahiran bahasa pelajar dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis dan mengesan aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa pelajar dalam membina ayat. Sementara Model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) diaplikasikan pengkaji bertujuan membangunkan satu pendekatan pengajaran alternatif iaitu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berdasarkan modul serta menilai keberkesanan pendekatan tersebut.

Berikut adalah model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) yang diadaptasi pengkaji dan menjadi kerangka teoritikal kajian ini;




**RAJAH 1.1 : Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey (2005)**

Berdasarkan kepada Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey (2005) dalam rajah 1.1, pengkaji telah menggariskan 9 langkah dalam membangunkan satu modul pengajaran pola ayat bahasa Arab yang digunakan sebagai bahan pengajaran alternatif iaitu pendekatan pengajaran pola ayat berbantuan modul. Sembilan langkah tersebut ialah; (a) mengenalpasti matlamat pengajaran bahasa Arab, (b) melakukan analisis pengajaran, (c) menulis objektif tingkahlaku, (d) membina item rujukan kriteria, (e) membina strategi pengajaran, (f) membina dan memilih bahan pengajaran, (g) membina dan mengendalikan penilaian formatif, dan (h) membina dan mengendalikan penilaian sumatif. Langkah-langkah pembinaan pendekatan alternatif ini dibincangkan secara terperinci dalam bab 4.

Secara ringkasnya, kronologi kajian ini boleh dijelaskan seperti dalam rajah

1.2 berikut:




**RAJAH 1.2: Kronologi Pelaksanaan Pembinaan Dan Penilaian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab**

Berdasarkan rajah 1.2 di atas, secara kronologinya, setelah menganalisis keperluan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dan mengenalpasti aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa pelajar dalam membina ayat bahasa Arab, pengkaji membangunkan satu pendekatan alternatif dalam pengajaran bahasa Arab iaitu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul yang dibina pengkaji berdasarkan Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey (2005).

Seterusnya dengan menggunakan rekabentuk kuasi-eksperimen, pengkaji menjalankan ujian pra bagi kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan (eksperimen). Kedua-dua kumpulan menjalani proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan yang berbeza. Kumpulan kawalan menggunakan pendekatan pengajaran berbentuk tradisional. Sementara kumpulan rawatan menggunakan pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab yang menggunakan teori pembelajaran Bandura. Data yang diperolehi melalui kajian kuasi-eksperimen ini dianalisis menggunakan statistik inferensi.

Berdasarkan kepada kerangka teoritikal kajian yang dipaparkan sebelum ini, pengkaji membina pula kerangka konseptual bagi kajian ini seperti berikut:



**RAJAH 1.3 : Kerangka Konseptual Kajian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab**



## 1.7 SIGNIFIKAN KAJIAN

Pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul adalah berdasarkan model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) mempunyai beberapa kepentingan. Di antara signifikan kajian ini dijalankan adalah seperti berikut;

- i. Pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul lebih interaktif dan mesra pelajar. Melalui modul, ini pelajar dapat belajar secara bersendirian ataupun berkumpulan kerana modul ini telah memberi panduan bagaimana pelajar membina ayat gramatis. Menurut Koh Boh Boon (1981: 61) Pengajaran terancang yang berupa modul membolehkan pelajar belajar sendiri mengikut kebolehan masing-masing. Justeru itu, modul ini juga menyediakan kosakata yang secukupnya berpandukan pendekatan Tematik. Pendekatan Tematik ini adalah berdasarkan sukatan pelajaran tingkatan satu yang mula digunakan pada sesi persekolahan pada tahun 2008. Kosakata ini diambil daripada huraian sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu (JAPIM,2006) dan diklasifikasikan mengikut penggolongan kata bahasa Arab.
- ii. Pembinaan pendekatan pengajaran berbantuan modul ini membantu pelajar mengatasi kesalahan penggunaan kosakata. Hasil kajian Abdul Ghani (1999) menyatakan pelajar kurang menguasai kosakata bahasa Arab menyebabkan mereka tidak dapat membina ayat dengan baik. Melalui proses penggolongan kata, pelajar dapat mengenalpasti perkataan yang tergolong dalam kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata sendi dan lain-lain. Contohnya pelajar tidak dapat

membezakan penggunaan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata hubung dalam sesuatu ayat. (Che Kamarudin Che Kamel, 1999) Justeru, modul ini menjelaskan aspek-aspek penggolongan kata yang diperlu diketahui oleh para pelajar.

- iii. Kepentingan pendekatan pengajaran menggunakan modul ini juga membantu pelajar dari aspek tatabahasa di mana modul ini menerangkan aturan tatabahasa ringkas dan mudah diikuti oleh para pelajar. Menurut Abdul Ghani (1999), dapatan kajiannya tentang kesilapan membina ayat asas bahasa Arab di kalangan pelajar melayu adalah disebabkan kelemahan mereka menguasai aspek tatabahasa dan penguasaan perbendaharaan kata. Pendekatan ini juga dapat membantu pelajar membetulkan kesilapan tatabahasa samada dalam aspek morfologi dan sintaksis.
- iv. Penghasilan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul dapat membantu guru menggunakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik dan berfokus. Dalam kajian ini guru sebagai pembimbing dan pemudah cara. Sebagai pembimbing, guru berusaha memberikan aspirasi, motivasi dan membimbing pelajar ke arah kejayaan. Sebagai pemudah cara pula, guru dapat mencorakkan suasana belajar yang berkesan dalam bilik darjah dengan menggunakan strategi berasaskan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Modul pengajaran ini telah memuatkan semua maklumat untuk membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan serta dapat meningkatkan prestasi pelajar dan memahirkan mereka dalam aspek penulisan.

- v. Penggunaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab ini juga dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran tatabahasa Arab. Selain itu ianya juga boleh digunakan sebagai bahan tambahan dalam pengajaran tatabahasa Arab oleh guru-guru bahasa Arab di sekolah.
- vi. Melalui hasil dapatan kajian ini juga, pengkaji berharap pihak pusat perkembangan kurikulum dan bahagian buku teks Kementerian Pelajaran Malaysia dapat mengaplikasi pendekatan alternatif ini dalam pengubalan kurikulum bahasa Arab dan penerbitan buku teks agar persembahan bahan pengajaran pola ayat bahasa Arab menjadi lebih menarik. Di samping penggunaan pola ayat yang ringkas dan mudah difahami pelajar serta bersesuaian dengan tahap umur dan pengalaman mereka.
- vii. Hasil dapatan kajian ini juga diharap dapat dimanfaatkan oleh para pensyarah di institusi-institusi perguruan samada di IPTA dan IPGM dalam mendedahkan kepada bakal guru-guru bahasa Arab tentang pendekatan alternatif yang efektif dalam pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul.

## **1.8 BATASAN KAJIAN**

Batasan kajian ini adalah seperti berikut;

- i. Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar tingkatan dua di SMKA dan KAA di negeri Kedah. Seramai 178 orang pelajar terdiri daripada dua kumpulan pelajar

yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari aspek pencapaian menjadi responden kajian ini. 89 orang pelajar bagi kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh guru mereka. Manakala 89 orang pelajar lagi terdiri daripada kumpulan rawatan (eksperimen) diajar dengan berbantuan modul pengajaran pola ayat yang telah digubal pengkaji.

- ii. Pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul yang dibina dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kurikulum bahasa Arab KBSM (2006). Antara matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat KBSM ialah pelajar dapat menguasai bidang tatabahasa Arab dan perbendaharaan kata bahasa Arab. Dalam sukatan pelajaran KBSM bahasa Arab sebanyak 1,500 kosakata perlu dikuasai oleh para pelajar KBSM tingkatan satu hingga tingkatan lima. Kosakata yang terkandung dalam modul ini hanya terbatas kepada 300 patah perkataan yang perlu dikuasai oleh pelajar tingkatan satu sahaja. Namun begitu, kajian ini bukan bertujuan untuk menilai penguasaan kosakata pelajar tetapi terbatas dalam mengenalpasti keupayaan pelajar membina ayat bahasa Arab yang gramatis berdasarkan kepada 300 kosakata yang dipelajari dengan menggunakan pola ayat bahasa Arab yang disediakan dalam modul ini.
- iii. Pola-pola ayat yang dibina dalam pendekatan alternatif ini hanyalah terhad kepada 6 pola ayat ismiyyat dan 4 pola ayat fi'liyyat yang terkandung dalam huraian sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu 2006. Pola-pola ayat Ismiyyat tersebut ialah; (a) KN+KN, (b) KN + KK, (c) KN + KK + KN, (d)

KN + Partikel JARR + KN, (e) KN + KK + Partikel JARR + KN, (f) Partikel JARR + KN + KN. Manakala pola ayat fi<sup>o</sup> liyyat terdiri daripada; (a) KK + KN, (b) KK + KN + JARR + KN, (c) KK + KN + KN, (d) KK + KN + KN + JARR + KN.

- iv. Sementara itu, ujian pra dan ujian pos yang dilaksanakan dalam kajian ini terbatas kepada aspek pembinaan ayat gramatis berdasarkan pola-pola ayat yang telah diajar oleh guru samada menggunakan pendekatan pengajaran tradisional atau pendekatan pengajaran pola ayat berbantuan modul yang telah dibina pengkaji. Item ujian dalam kajian ini adalah berdasarkan aras taksonomi Gronlund (1989).

## **1.9 DEFINISI ISTILAH**

Berikut adalah beberapa terminologi yang digunakan dalam kajian ini dan perlu diperjelaskan pengkaji:

### **i. Pendekatan Pengajaran**

Menurut Edward M. Anthony (1963) dalam Kamarudin (2001) , pendekatan merupakan satu andaian yang saling berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Ia bersifat aksiomatik. Jika kita menggunakan cara-cara melaksanakan model, prinsip atau teori pembelajaran, maka model, prinsip atau teori pembelajaran ini boleh dijadikan sebagai satu pendekatan dalam pengajaran berkenaan. Justeru pendekatan dalam bidang pendidikan merujuk

kepada satu set teori pembelajaran yang akan diamalkan dalam pengajaran di dalam sesuatu mata pelajaran.

Dalam kajian ini pendekatan pengajaran berbantuan modul digunakan dalam proses pengajaran pola ayat bahasa Arab pengajaran pola ayat bahasa Arab.

## **ii. Modul Pengajaran**

Menurut Koh Boh Boon (1984) modul Pengajaran adalah bahan terancang yang digunakan oleh seseorang guru sebagai bahan pengajaran. Ia adalah satu medium penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Modul pengajaran merupakan bahan pengajaran yang lengkap dengan matlamat, objektif dan isi kandungan yang jelas. Selain itu ianya mempunyai strategi, gerak kerja serta cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut .

Menurut Koh Boh Boon (1980) modul adalah satu unit yang sempurna ataupun sebahagian daripada topik yang lebih luas. Ia mengembangkan isi pengajaran mengikut langkah-langkah yang teratur dan mudah difahami. Ia merupakan bahan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana pembinaannya berlandaskan prinsip-prinsip pedagogi yang memberi kesan positif terhadap pembelajaran pelajar.

Dalam kajian ini modul pengajaran pola ayat bahasa Arab ialah bahan pengajaran yang dibina pengkaji berdasarkan Model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005). Dalam kajian ini, pengkaji membangunkan satu pendekatan pengajaran pola ayat berbantuan modul berdasarkan pola-pola

ayat yang terkandung dalam huraian sukatan bahasa Arab Tingkatan Satu KBSM (2006).

### **iii. Pola Ayat Bahasa Arab**

Menurut al-Zamakhshari dalam Fakhruddin Qabawāṭ (1983) ayat adalah ujaran yang tersusun daripada dua perkataan dan saling berkait antara satu sama lain. Ianya terdiri daripada daripada pola KN + KN (kata nama+kata nama) dan pola KK + KN (kata kerja +kata nama). Sementara itu, menurut Abdullah Hassan (2006), ayat ialah perkataan yang disusun dalam susunan dan kelompok tertentu. Setiap kelompok perkataan disusun dengan lengkap. Setiap satu kelompok tersebut mengandungi sekurang-kurangnya dua bahagian iaitu subjek dan predikat.

Manakala pola ayat bahasa Arab bermaksud binaan-binaan ayat gramatis yang dibina mengikut sistem tatabahasa bahasa Arab. Ianya bukan sekadar gabungan atau rentetan bentuk kata yang sewenang-wenangnya, tetapi sebaliknya terbentuk daripada susunan beberapa unit kecil rangkai kata yang terdapat dalam ilmu bahasa dikenali sebagai unsure atau konstituen. Pola ayat yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pola ayat ismiyyaṭ dan pola ayat fi' liyyaṭ. Ayat ismiyyaṭ ialah ayat yang dimulakan dengan kata nama dan kata ganti nama. Manakala ayat fi' liyyaṭ iaitu ayat yang dimulakan dengan kata kerja.

#### **iv. Penilaian**

Menurut Kamarudin (2001), penilaian adalah satu aktiviti atau proses yang bersistematik untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran atau pembelajaran. Penilaian dalam kajian ini, mengukur keberkesanan penggunaan pendekatan pengajaran pola ayat berbantuan modul yang telah dibangunkan oleh pengkaji.

Keberkesanan pendekatan alternatif ini boleh diukur daripada hasil skor yang diperolehi responden dalam kajian ini melalui ujian formatif dan ujian sumatif yang dijalankan. Ujian formatif dijalankan semasa pengajaran dijalankan apabila guru selesai mengajar sesuatu unit di dalam modul tersebut. Ia bertujuan memastikan bahan pengajaran tersebut sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar. Manakala ujian sumatif dijalankan di akhir kajian dan apabila semua unit dalam modul telah selesai dipelajari. Ujian sumatif bertujuan untuk menilai keseluruhan keberkesanan pendekatan pengajaran alternatif berbantuan modul.

#### **v. Keberkesanan Modul Pengajaran**

Menurut Khalid (1993), keberkesanan bermakna kejayaan optimum dengan usaha minimum. Usaha minimum dapat diperolehi jika tidak ada pembaziran masa dan usaha bertindih. Dalam perkataan yang mudah pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertatertib serta optimum yang menyepadukan dan memanfaatkan kesemua komponen



pembelajaran untuk mencapai kejayaan yang paling maksimum. Dalam kajian ini, keberkesanan modul pengajaran bermaksud pelajar dapat membina ayat-ayat gramatis dengan menggunakan pelbagai pola ayat yang telah dipelajari. Keberkesanan ini dapat dilihat dalam ujian pos setelah pelajar selesai menjalani sesi pembelajaran pola ayat bahasa Arab dengan menggunakan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab.

#### 1.10 RANGKA KAJIAN

Penulisan tesis ini terbahagi kepada tujuh bab utama. Setiap bab dimulai dengan pendahuluan dan diakhiri dengan penutup.

Bab pertama adalah bab pengenalan yang merangkumi pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Kerangka teoritikal kajian dan konseptual kajian adalah tunggak dalam kajian ini. Selain itu bab ini juga membicarakan tentang signifikan kajian, batasan kajian, definisi kajian, dan rangka kajian.

Bab kedua berkaitan dengan kajian literatur yang merangkumi tajuk-tajuk seperti model-model rekabentuk kajian, model analisis keperluan, dan pendekatan pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Sementara itu, pembelajaran pola ayat bahasa Arab di Malaysia dan kajian analisis kesilapan bahasa Arab pelajar dalam membina ayat juga di perincikan dalam kajian literatur ini.

Bab ketiga adalah kajian tentang pola-pola ayat bahasa Arab. Bab ini membincangkan ayat bahasa Arab dan ciri-ciri asas yang berkaitan dengan pola ayat bahasa Arab. Seterusnya pengkaji menerangkan tentang jenis-jenis pola ayat iaitu pola ayat ismiyyaṭ dan pola ayat fi'liyyaṭ dan perbezaan di antara kedua-duanya.

Seterusnya penulis merangka kerangka pembinaan dan penilaian modul dalam bab empat. Dalam pembinaan modul, pengkaji memulakan kajian dengan melakukan

analisis keperluan pelajar terhadap pembelajaran pola ayat bahasa Arab. Seterusnya pembinaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab digubal berdasarkan kurikulum bahasa Arab tingkatan satu tahun 2006. Modul ini dimulakan dengan pola ayat ismiyyat dan diikuti dengan pola ayat fi'liyyat.

Bab kelima menerangkan tentang metodologi kajian. Rekabentuk kajian ini dibahagikan kepada rekabentuk kajian deskriptif dan rekabentuk kajian kuasi-eksperimen. Variabel dan sampel kajian, prosedur kajian di sekolah, instrumen kajian serta kesahan kajian dikenalpasti dalam bab ini. Seterusnya kesahan instrumen kajian diuji. Kebolehpercayaan instrumen kajian dan kajian rintis modul pengajaran juga dibincangkan dalam bab ini.

Bab keenam adalah bab analisis data dan penilaian terhadap dapatan kajian. Analisis data ini merangkumi analisis data kuantitatif yang mengandungi analisis data kajian deskriptif dan analisis kajian kuasi-eksperimen. Analisis data kajian deskriptif merangkumi dapatan tentang masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat bahasa Arab dan analisis aspek-aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa yang kerap dilakukan pelajar. Sementara analisis kajian kuasi-eksperimen melibatkan ujian t antara ujian pra dan ujian pos.

Bab ketujuh adalah kesimpulan dan cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji rentetan dari dapatan kajian 'Pembinaan dan Penilaian Modul pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab'. Bab ini di akhiri dengan implikasi kajian terhadap pedagogi pengajaran bahasa Arab, penggubalan kurikulum dan penulisan buku teks serta implikasi terhadap pensyarah bahasa Arab di IPTA dan IPG. Akhir sekali pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan.

## **1.11 PENUTUP**

Kajian ini dilakukan bagi membina satu pendekatan alternatif berbantuan modul pengajaran pola ayat bahasa arab. Kajian ini terdiri dari tujuh bab. Dalam bab satu ini, pengkaji telah memberi gambaran ringkas tentang keseluruhan kajian. Ia merangkumi latarbelakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian. Kerangka teoritikal, kerangka konseptual, signifikan kajian dan limitasi kajian serta definasi operasional juga telah dihuraikan dalam bab ini. Bab kedua adalah kajian perpustakaan dan dapatan-dapatan kajian berkaitan dengan kajian ini. Bab tiga pula iaitu kajian mengenai pola-pola ayat dalam bahasa Arab. Manakala bab keempat adalah berkaitan dengan rekabentuk pembinaan modul. Seterusnya bab kelima adalah berkaitan dengan metodologi kajian. Bab keenam pula adalah dapatan kajian dan analisis dapatan kajian dan bab ketujuh adalah rumusan dan cadangan kepada kajian selanjutnya.